

**Perpaduan Parti Penting Untuk Tolak Pembangkang Pada PRU Ke-13 – Zahid
Bernama
22 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi meminta warga parti Barisan Kemajuan India SeMalaysia (IPF) supaya mengetepikan masalah dalaman parti dan memberi tumpuan bagi membantu Barisan Nasional (BN) memenangi Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13.

Beliau juga mengharapkan sebarang pergeseran dalaman parti yang wujud dalam kalangan parti mesra atau parti komponen BN dihentikan agar BN dapat menampilkan pasukan yang mantap dalam menghadapi pilihan raya.

"Saya yakin IPF boleh selesaikan sendiri masalah dalam usaha mengembalikan kekuatan dalam parti," katanya ketika mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan IPF ke-20 di Seri Kembangan di sini Ahad.

Beliau berkata parti komponen dan parti mesra BN perlu mendukung perjuangan kerajaan BN dalam mendahulukan rakyat dalam setiap aspek sosial dan ekonomi. "Hanya BN yang boleh memimpin negara yang berbilang kaum ini dengan adil dan saksama dan yakin rakyat akan menolak pembangkang pada pilihan raya umum nanti," kata Zahid, yang juga Menteri Pertahanan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682376>

